



**KENYATAAN MEDIA**  
**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**04 April 2020**

1. Pada hari ini, Sabtu, 10 Syaaban 1441 bersamaan 04 April 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai **1 kes baru** yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini ialah 135 orang.**

- Kes 135 berumur 43 tahun adalah seorang warga tempatan yang telah pergi ke Kuala Lumpur, Malaysia pada 27 Februari 2020, tetapi tidak menghadiri perkumpulan keagamaan tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling, Malaysia. Beliau kemudiannya pergi ke Makassar, Indonesia pada 10 Mac 2020 untuk menghadiri perkumpulan keagamaan tabligh. Walau bagaimanapun, perkumpulan tersebut telah dibatalkan dan beliau telah dikurantin oleh Pihak Berkuasa Indonesia sehingga 24 Mac 2020. Pada 25 Mac 2020 beliau telah pergi ke Jakarta dan pada 02 April 2020, telah meneruskan perjalanan ke Kuala Lumpur dengan menaiki pesawat Malaysia Airlines MH720. Kemudian beliau pulang ke negara ini pada 03 April 2020 dari Kuala Lumpur melalui Miri, Sarawak dengan menaiki pesawat Malaysian Airlines MH2574 (tempat duduk 2G). Beliau telah mula mengalami batuk sejak 22 Mac 2020.

2. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, pada hari ini **1 lagi kes** yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 66 orang**. Ini bermakna terdapat 68 kes yang masih dirawat di Pusat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, 3 orang masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di Pusat tersebut di mana salah seorang daripadanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)*. Sementara itu, selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.
  
3. Sementara itu, pada masa ini, seramai 353 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 1,984 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Pada hari ini juga, seramai 213 orang telah menamatkan pengasingan diri di tempat-tempat pengasingan yang disediakan oleh Kerajaan dan dibenarkan untuk pulang ke rumah masing-masing. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 7,801 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan, yang membawa nisbah kepada 1 dalam 56 orang ramai yang sudah dibuat pemeriksaan bagi COVID-19.
  
4. Kementerian Kesihatan seterusnya ingin memaklumkan kepada orang ramai, bermula pada besok, hari Ahad 05 April 2020 semua orang yang tiba di Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri di

tempat-tempat pengasingan yang disediakan oleh kerajaan sahaja dan tidak lagi dibenarkan untuk membuat pengasingan sendiri di rumah masing-masing.

5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 10 Syaaban 1441H / 04 April 2020